

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)34

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

34. Saya mengucapkan terima kasih kepada MMK Kebajikan atas usaha membantu golongan papa. Namun kekangan di bawah Akta Papa menyukarkan bantuan disalurkan kepada golongan papa yang menghadapi masalah kesihatan mental, HIV dan penagihan dadah. Huraikan apakah kekangan yang dihadapi dan berapakah kes di bawah golongan ini dalam beberapa tahun terdekat ini?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

34. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertanggungjawab mengambil dan memulihkan orang papa (pengemis dan peleser) berdasarkan peruntukan di bawah Akta Orang-Orang Papa 1977 [Akta 183].

Walau bagaimanapun, kekangan yang dihadapi bagi membantu golongan orang papa ini adalah kerana Prosedur Tetap Operasi Tindakan Mengambil Orang Papa Di Bawah **Akta Orang-Orang Papa 1977** yang menyatakan pihak JKM tidak mempunyai kuasa bagi mengambil dan membantu orang papa seperti berikut:

- (i) Kes Bukan Warganegara;

- (ii) Kes Pemegang Kad *United Nations High Commission for Refugees* (UNHCR);
- (iii) Kes Disyaki Berpenyakit Mental;
- (iv) Kes Disyaki Mempunyai Masalah Kesihatan Kronik/ Penyakit Berjangkit;
- (v) Kes Disyaki Penagih Dadah;
- (vi) Kes Menghidu Gam;
- (vii) Kes Ketagihan Alkohol; dan
- (viii) Kes Kutipan Derma Tanpa Kelulusan.

Namun begitu, pihak JKM akan menghubungi Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) bagi membantu memberi rawatan kepada golongan ini.

Selain itu, JKNPP akan mengenal pasti pesakit daripada orang gelandangan atau papa seterusnya dirujuk kepada Jabatan Kerja Sosial Perubatan (JKSP) untuk tindakan selanjutnya.

Pesakit yang mempunyai masalah kesihatan kronik akan dirujuk ke Klinik Pakar atau Klinik Kesihatan terdekat mengikut keperluan bagi rawatan lanjut.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga kini dalam proses menubuhkan jawatankuasa dan mengembangkan garis panduan khusus bagi menangani dan membantu populasi gelandangan, termasuk mereka yang mempunyai masalah kesihatan mental dan penyalahgunaan dadah.

Bagi jumlah kes golongan orang papa yang mempunyai penyakit kesihatan mental, HIV dan penagihan dadah adalah seperti di **Lampiran A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.